



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL 14/2023

**PENGENAAN KADAR BAHARU BAGI CAJ KOS TAK LANGSUNG
(OVERHEAD COST) KE ATAS PROJEK PENYELIDIKAN DAN
PELAKSANAAN
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tentang:

- a. Pengeunaan kadar baharu bagi caj kos tak langsung (*overhead cost*) ke atas projek-projek penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- b. Pelaksanaan pengurusan kutipan caj kos tak langsung (*overhead cost*) dari projek-projek penyelidikan bagi dana-dana yang diterima oleh UKM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Pengeunaan caj ini telah berkuatkuasa ke atas projek-projek penyelidikan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 5/2010 Polisi Pengeunaan "*Overhead Cost*" / Kos Tak Langsung Kepada Projek Penyelidikan dan Aktiviti Perniagaan Di Universiti Kebangsaan Malaysia Serta Pekeliling Bendahari Bil.14/2010 Penjelasan Polisi Kos Tak Langsung (*Overhead Cost*) Kepada Projek-Projek Penyelidikan.
- 2.2. Merujuk kepada pelaksanaan terdahulu melalui pekeling pada perkara 2.1, kadar caj yang dikenakan adalah 15% bagi Projek Penyelidikan dan 30% bagi Projek Penyelidikan Kontrak. Caj ini perlu dimasukkan dalam perbelanjaan projek penyelidikan semasa permohonan dana kepada pembiaya. Tolakan akan dibuat bagi amaun caj ini semasa dana projek diterima daripada pihak pembiaya.

- 2.3. Terdapat dua komponen projek penyelidikan yang melibatkan caj kos tak langsung (*overhead cost*) iaitu yang melibatkan aktiviti pengujian klinikal (*clinical trial*) dan bukan klinikal.
- 2.4. Dengan mengambilkira input-input daripada penyelidik dan pemberi dana, untuk menambahbaik kadar caj atas faktor amaun dana dan kekangan bajet, telah dipersetujui untuk kadar ini dikurangkan. Perbandingan dengan universiti penyelidikan lain juga dibuat bagi mendapatkan kadar yang paling munasabah.

3.0 TAKRIFAN

- 3.1. **Kos Tak Langsung (Overhead Cost)** - Sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada projek/aktiviti tetapi adalah merupakan kos yang ditanggung oleh Universiti bagi membolehkan projek/ aktiviti dapat dijalankan. Kos tak langsung kepada Universiti termasuk penyelenggaraan bangunan, peralatan dan ruang, insuran, utiliti seperti bil air dan elektrik serta kos pentadbiran seperti bayaran gaji, bekalan pejabat dan pentadbiran pejabat.
- 3.2. **Projek Penyelidikan** – Satu aktiviti keserjanaan yang dijalankan secara sistematik dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan yang baharu dan didaftarkan dalam Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).
- 3.3. **Ujian Klinikal (*Clinical Trial*)** – Kajian yang melibatkan pengujian berbentuk klinikal sama ada ke atas manusia dan bukan manusia bagi mengkaji kesan dan/ atau keselamatan ubat, rawatan atau alat perubatan.
- 3.4. **Dana Luar** - Dana penyelidikan (termasuk ujian klinikal) yang mendapat pembiayaan daripada pihak luar UKM seperti Agensi Kerajaan Malaysia, Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies-GLC*), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Investment Company-GLIC*), Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation-NGO*), agensi swasta, industri dan komuniti di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

4.0 KEPERLUAN PENGENAAN CAJ KOS TAK LANGSUNG (*OVERHEAD COST*)

- 4.1. Dalam melaksana aktiviti penyelidikan, sebahagian besar kos perlu diperuntukkan bagi menyediakan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan sokongan pentadbiran. Kos keseluruhan yang melibatkan kos langsung dan kos tak langsung bagi menjalankan sesuatu projek penyelidikan hendaklah diambilkira.
- 4.2. Kos langsung mudah dikenalpasti kepada sesuatu projek penyelidikan tertentu contohnya pembelian bahan penyelidikan dan alat penyelidikan serta perbelanjaan elaun pembantu penyelidik yang secara khusus dibelanjakan untuk projek penyelidikan berkenaan. Sebaliknya penggunaan elektrik, air, penyelenggaraan ruang makmal gunasama dan pembelian alat pejabat tidak dikhususkan secara langsung kerana sukar dan tidak praktikal untuk dinilai. Perbelanjaan ini menjadi kos tak langsung di dalam perbelanjaan projek.
- 4.3. Sehubungan itu, pengenaan caj ini adalah bagi mendapatkan semula dan menampung kos tak langsung yang ditanggung oleh Universiti dalam menyokong aktiviti penyelidikan selaras dengan prinsip pemulihan kos sepenuhnya (*total cost recovery*). Caj yang dikenakan ini sedikit sebanyak dapat membantu Universiti membiaya kos tak langsung penyelidikan di mana jumlahnya kian meningkat saban tahun yang sedikit sebanyak memberi kesan ke atas perbelanjaan operasi Universiti.

5.0 KADAR CAJ KOS TAK LANGSUNG (*OVERHEAD COST*)

- 5.1. Perkiraan kos tak langsung untuk aktiviti penyelidikan yang dibuat dalam tahun 2022 mendapati sebanyak 27% daripada perbelanjaan PTJ adalah digunakan untuk pengurusan penyelidikan. Antara belanja yang diambilkira adalah perbelanjaan utiliti, penyelenggaraan bangunan, ruang dan peralatan serta perbelanjaan pentadbiran.
- 5.2. Bagi tujuan semakan semula, dengan mengambilkira sokongan Universiti terhadap aktiviti penyelidikan, kos yang dicadangkan diambilkira dalam caj kos tak langsung (*overhead cost*) hanyalah terhad kepada perbelanjaan utiliti sahaja iaitu sebanyak 6% daripada keseluruhan jumlah kos tak langsung seperti pada perkara 5.1.

Manakala bagi kos tak langsung lain yang meliputi sebanyak 21% daripada perbelanjaan keseluruhan, ditanggung oleh Universiti.

- 5.3. Sehubungan itu, merujuk kepada kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Bil. 1/2023 bertarikh 11 Oktober 2023, kadar caj kos tak langsung (*overhead cost*) yang baharu adalah seperti berikut:

	Kadar caj overhead	Jenis dana penyelidikan	Had nilai dana	Justifikasi
1	0% atau tiada kenaan	i. Dana luar	sehingga RM20,000.00	Nilai dana yang kecil sekiranya dikenakan akan membebaskan kewangan projek yang terhad.
		ii. Ujian klinikal (<i>clinical trial</i>)	sehingga RM20,000.00	
		iii. Dana dalam dan agensi kerajaan	Tanpa had (melainkan dibenarkan oleh pemberi dana)	Dana dalam adalah dari sumber Universiti seperti peruntukan RU dan tabung. Oleh itu tidak wajar dikenakan caj. agensi kerajaan pula kebiasaannya telah menetapkan dari awal bahawa caj ini tidak boleh dikenakan.
2	5%	i. Dana luar	Melebihi RM20,000.00	Had nilai yang munasabah untuk dikenakan caj memandangkan nilai ini agak besar dan tidak begitu mengekang item perbelanjaan.
		ii. Ujian klinikal (<i>clinical trial</i>)	Melebihi RM20,000.00 hingga RM100,000.00	Had nilai ini bertepatan dengan tahap kekukuhan kewangan dan

				saiz syarikat/agensi yang memberi dana.
3	10%	Ujian klinikal (<i>clinical trial</i>)	Melebihi RM100,000.00	Nilai dana ini kebiasaannya di terima dari pembiaya yang mempunyai nama besar dipasaran. Nilai 10% yang dikenakan tidak memberi bebanan kepada syarikat yang kedudukan kewangannya sangat kukuh.

6.0 PELAKSANAAN CAJ KOS TAK LANGSUNG (*OVERHEAD COST*)

- 6.1. Caj ini perlu diambilkira oleh penyelidik semasa permohonan dana kepada pembiaya (penyelidik perlu memasukkan sekali anggaran caj kos tak langsung (*overhead cost*) ini dalam permohonan). Caj dikenakan untuk **keseluruhan dana** tanpa mengambilkira apa jua bentuk perbelanjaan projek.

Contoh pengiraan caj adalah seperti berikut:

	Proses	Jumlah (RM)
1.	Cadangan perbelanjaan projek Dana Luar Contoh: i. Elaun Pembantu Penyelidik RM2,000 x 12 bulan (RM24,000) ii. Perjalanan (RM10,000) iii. Sewaan ruang RM2,000 x 3 bulan (RM6,000) iv. Bahan penyelidikan pakai habis (RM35,000) v. Perkhidmatan langganan perisian, Seminar, urusan penerbitan, bayaran suguhati (RM50,000) vi. Peralatan (RM75,000)	200,000.00

	Caj Kos Tak Langsung (<i>Overhead Cost</i>) RM200,000.00 x 5%	10,000.00
2.	Jumlah dipohon kepada pembiaya	210,000.00
3.	Kelulusan oleh pembiaya (Disebabkan jumlah yang diluluskan terkurang sebanyak RM5,000, penyelidik perlu menyelaraskan semula perbelanjaan mengikut kesesuaian contohnya mengurangkan perbelanjaan bagi peralatan)	205,000.00
4.	Kenaan Caj Kos Tak Langsung (<i>Overhead Cost</i>) adalah mengikut jumlah diterima. Caj berkenaan dikenakan setelah dana diterima Contohnya dana diterima secara berfasa sebanyak 2 kali iaitu 70% dan 30% i. 70% pertama [RM143,500 x (5%/105%)] (RM6,833.33) ii. 30% kedua [RM61,500 x (5%/105%)] (RM2,928.57)	9,761.90

- 6.2. Pengenaan caj akan dilaksanakan apabila dana projek diterima oleh Universiti (ditolak daripada vot 29000). Sekiranya dana diterima secara berfasa atau tidak diterima penuh sebagaimana dipohon atau diluluskan, pengenaan caj kos tak langsung (*overhead cost*) adalah setakat jumlah yang diterima sahaja.
- 6.3. Caj berkenaan seterusnya diperuntukkan kepada PTj yang memiliki projek merujuk kepada jabatan pemilik yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) atau mana-mana PTj yang berkaitan. Pelaksanaan ini bertujuan untuk membiaya perbelanjaan utiliti bersesuaian dengan konsep *One-Line Budget* (OLB).
- 6.4. Pengenaan kadar caj baharu ini adalah melibatkan projek-projek penyelidikan sebagaimana dinyatakan pada perkara 5.3, bagi dana yang diterima mulai **1 Januari 2024**. Sekiranya dana berkenaan telah diluluskan oleh pemberi dana pada nilai atau kadar yang berbeza sebelum ini, pengenaan caj kos tak langsung (*overhead cost*) adalah mengikut persetujuan asal, iaitu persetujuan semasa kelulusan projek oleh pembiaya dana.

7.0 PENGUATKUASAAN

- 7.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024**.
- 7.2. Dengan penguatkuasaan pekeling ini, Pekeling Bendahari Bil. 5/2010 Polisi Pengenaan "*Overhead Cost*"/ Kos Tak Langsung Kepada Projek Penyelidikan dan Aktiviti Perniagaan serta Pekeling Bendahari Bil. 14/2010 Penjelasan Polisi Kos Tak Langsung '*Overhead Cost*' Kepada Projek-Projek Penyelidikan **adalah dibatalkan**.

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN CAJ KOS TAK LANGSUNG (OVERHEAD COST)

